

ARKIB : 14/02/2011

Penjagaan delima

NAMA saintifik bagi delima ialah *Punica granatum* dan tergolong dalam keluarga *Punicaceae*. Pokok delima tidak mempunyai musim yang utama akan tetapi ia berbunga dan berbuah mengikut kepada keadaan cuaca tempatan, kadar kesuburan tanah yang tinggi dan penjagaan pokok yang sempurna.

Kebiasaannya, pokok delima mula menghasilkan buah setelah satu hingga dua tahun selepas ditanam.



Pokok delima menghasilkan buah setelah setahun setengah ditanam.

Buah delima yang masak boleh dimakan segar dan dijadikan jus. Jarak tanaman yang disyorkan ialah 4 meter (m) x 4 meter dengan menggunakan sistem segi empat sama.

Bilangan pokok delima yang boleh ditanam bagi keluasan sehektar ialah 625 pokok.

Secara praktikalnya, pokok delima boleh dibiak dengan menggunakan biji benih dan kaedah pembiakan tut.

Setelah anak pokok berjaya ditut lebih kurang 30 hingga 40 hari untuk mengeluarkan akar dengan baiknya, ia perlu dipindahkan ke dalam polibeg dan diletakkan di bawah naungan sementara sebelum ditanam di kebun.

Secara fizikalnya, anak pokok yang melebihi umur tujuh bulan ke atas adalah amat sesuai ditanam, akan tetapi sebelum itu, pastikan pucuk pokok delima telah berwarna hijau tua dan telah matang sepenuhnya.

Ini kerana, anak pokok mempunyai akar yang tua dan matang untuk berkembang dengan cepat untuk mencari air didalam tanah.

Antara pokok delima yang ada ditanam di Taman Pertanian Universiti UPM ialah pokok delima isi merah dan pokok delima isi putih.